# Silat dan tinju Siam kembang di-Kelantan

Oleh MOHAMED YUSOFF

KOTA BAHARU, Rabu. — Salah satu kegiatan yang sedang di-jalankan oleh Kelab Sukan Maras, Teliput, Kota Baharu ia-lah membuka galanggang "silat seni gayong dan tinju Siam."

Demikian Tengku Azam bin Tengku Ismail, 25 tahun, Yang Di-Pertua Kelab Sukan Maras, memberitahu saya baru2 ini.

Menurut-nya, gelanggang itu di-buka kira2 tiga bulan yang lalu di-kampong tersebut.

Di-tanya sebab2 gelanggang itu di-buka, Tengku Azam berkata:

"Untok menghidupkan seni pusaka orang2 Melayu dulu kala yang mana sekarang hampir hilang dari kalangan belia2 kita."

## Peluang

"Dan juga memberi peluang kapada belia2 di-sekitar kampong ini dan di-Kato Baharu supaya dapat belajar dengan lebeh mendalam hal2 silat gayong dan tinju Siam itu."

Beliau menambah, kalau tidak di-buka gelanggang saperti itu, maka lebeh ramai lagi belia kita tidak tahu hal seni dan kebudayaan Melayu lama itu.

Tengku Azam berkata: "Gelanggang ini di-buka supaya belia2 dapat belajar chara2 mempertahankan diri mereka apabila di-serang oleh musoh."

Sekarang sa-ramai lebeh kurang 50 orang ahli2 kelab sukan itu sedang berlateh silat gayong dan tinju Siam.

Guru yang mengajar di-situ ia-lah Enche' Yusoff Abu Bakar, 48 tahun (terkenal dengan nama Pak Su Soh) yang tinggal di-Teliput.

Sa-masa di-temui-nya Pak Su Soh berkata:

"Saya mengajar silat itu untok belia2 di-sini mengetahui tentang seni orang2 Melayu dulu."

Beliau mula belajar silat gayong sa-belum perang lagi dan pernah mengajar di-Kampong Dewan, Salor dan juga di-Selatan Siam.

Menurut-nya, sa-tiap orang yang mahu belajar silat ini masti memakan masa sa-lama satu tahun.

## Murid2

Sa-hingga sekarang lebeh kurang 100 orang anak2 murid yang belajar dengan Pak Su Soh.

Pak Su Soh salah sa-orang ahli silat gayong yang terkenal di-Kelantan pernah berlawan di-Selatan Siam.

Beliau mengajar di-gelanggang itu tiap2 malam dari jam 8.00 hingga 11.00 malam, kechuali malam Juma'at sahaja.

Gelanggang itu yang di-dalam bangunan Kelab Sukan Maras telah menelan belanja sa-banyak $150.00.

Pak Su Soh berkata: "Sa-tiap anak murid yang hendak belajar silat ini mereka mesti berlateh bersunggoh2.

Mereka hendak sabar, tabah hati dan berani."

"Walau pun begitu mereka tidak boleh menunjok pandai atau menyerang sa-orang sa-belum orang itu menyerang.

"Mereka belajar silat ini hanya untok mempertahankan badan apabila di-serang oleh musoh," ujar-nya lagi.

## Belajar

Ghazali Ibrahim, 18 tahun, dari Kampong Teliput, salah sa-orang anak murid di-situ berkata:

"Saya akan belajar dengan Pak Su Soh sahingga tamat pelajaran."

Sa-orang lagi murid di-situ ia-lah: kamaruddin Daud, 20 tahun, berkelulusan SPR berkata: "Saya belajar silat kerana ia penting bagi orang2 muda saperti saya ini."

Di-samping anak2 murid itu belajar, mereka juga belajar tinju Siam dengan penoh minat.

Tok Guru yang mengajar tinju Siam ia-lah Enche' Ahmad Rawi, salah sa-orang pemain tinju Siam di-Kota Bharu.

Anak2 murid yang belajar silat dan tinju Siam sechara bergilir2, ia-itu, satu malam silat gayong dan satu malam tinju Siam

# Kursus seni silat gayong belia

MUAR, Rabu. — Persekutuan Belia Bakri Muar, sa-buah persatuan belia yang tertua di-daerah ini akan menganjorkan kursus seni silat gayong, terbuka kapada ahli2 persekutuan tersebut mulai awal bulan Februari depan.

Kursus yang di-jangka akan tamat dalam masa tiga bulan itu akan di-adakan di-rumah persekutuan yang terletak di-Simpang Jeram Bakri.

Menurut pengerusi persekutuan itu, Enche Aris bin Mohd. Tahir, kursus seni silat gayong yang pertama kali di-anjorkan oleh persekutuan-nya itu ia-lah untok menggalakkan belia2 yang meminati seni silat tersebut.

Menurut Enche Aris lagi sambutan ahli2 persekutuan-nya dan belia2 tempatan terhadap kursus itu sa-takat ini sunggoh menggalakkan.

Sa-takat ini sa-ramai kira2 50 orang telah mendaftarkan diri bagi mengikuti kursus itu.

Guru yang akan mengajar-nya ia-lah Enche Abu Bakar Marban, sa-orang guru silat terkenal di-sini.